

## ANUGERAH MENDAKI

# Sukarelawan program matematik kanak-kanak terima Anugerah Sanjungan Budi

HASIL sumbangan besar Dr Sharifah Mariam Aljunied (*gambar*) kepada Yayan Mendaki dalam program Tiga M, anak Melayu/Islam dapat membangunkan kemahiran celik angka dan huruf dengan baik.

Beliau, seorang profesor madya adjung di jabatan psikologi Universiti Nasional Singapura (NUS), merupakan sukarelawan lama bersama Mendaki dan telah memainkan peranan besar, khususnya dalam pembangunan Tiga M yang kini dikenali sebagai KelasMateMatika (KMM).

Sumbangan beliau itu diiktiraf semalam, dengan Dr Sharifah Mariam antara tiga individu yang diberi Anugerah Sanjungan Budi.

Ini kali pertama anugerah itu disampaikan Mendaki untuk mengiktiraf sumbangan besar penerima kepada masyarakat dalam pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat bersama-sama badan bantu diri itu selama sekurang-kurangnya 20 tahun.

“Saya terima anugerah ini dengan rasa penuh rendah hati dan syukur. Saya amat terharu kerana satu projek yang saya mulakan bersama Mendaki lebih dua dekad lalu kini masih terus berkembang dan masih lagi memberi kebaikan,” kata Dr Sharifah Mariam.

Program Tiga M dirintis pada 2002 dengan tujuan mem-



pertingkat kemahiran celik angka dan huruf dalam kalangan murid prasekolah melalui pemerkasaan ibu bapa, terutamanya mereka daripada keluarga kurang bernasib baik.

Program itu berjaya memberi manfaat kepada ibu bapa dan anak-anak mereka melalui prasekolah seperti Yayan Masyarakat Parti Tindakan Rakyat (PAP) dan tadika di masjid.

Program Tiga M kemudian dipertingkat dan diperluaskan Mendaki, dengan program KMM disertai lebih 6,500 ibu bapa dan kanak-kanak sejak 2018.